

Kejohanan Boling UMP-Media meriah

KUANTAN 8 April - Seramai 150 pengamal media di negeri ini hadir memeriahkan Kejohanan Boling anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama UMP Advanced Education di Mega Lane, Berjaya Megamall di sini malam tadi.

Penganjuran Kejohanan Boling yang merupakan acara tahunan UMP sejak 10 tahun lalu diadakan dengan satu matlamat iaitu merapatkan hubungan antara pengurusan tertinggi universiti itu dengan wartawan.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program ini dilihat merapatkan hubungan baik dengan pengamal media dalam suasana santai selain beriadah sekali gus menyokong gaya hidup sihat yang

giat dijalankan di universiti ini.

"Saya amat menghargai golongan media yang sering membuat liputan setiap aktiviti termasuklah pencapaian UMP dalam penyelidikan dan kecemerlangan warganya.

"Program pada malam ini adalah untuk bertemu dan mengeratkan lagi hubungan sesama kita selain dapat bertanya khabar. Selain itu, saya juga sentiasa mencari ruang untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti yang boleh mendekatkan pengurusan universiti dengan warga media," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Yang turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif UMP Advanced, Mohamad Rozi Hassan; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Datuk

Dr. Yuserie Zainuddin; Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid dan Presiden Kelab Media Pahang (KMP), Datuk Nik Naizi Hussin.

Menurut Daing Nasir, masyarakat terutama penduduk di sekitar kini telah mengenali UMP terutama mengetahui peranannya yang melahirkan jurutera dan teknologi berdaya saing dengan publisiti serta liputan daripada pihak media.

"UMP amat berbesar hati mendapat kerjasama yang tidak berbelah bagi daripada pihak media sehingga universiti ini dikenali bukan sahaja di dalam negara malah sehingga ke peringkat antarabangsa.

"Saya berharap jalinan kerjasama ini sentiasa berterusan demi manfaat bersama," jelasnya.



SEBAHAGIAN daripada wartawan di Pahang yang menyertai kejohanan boling anjuran UMP di Kuantan, Pahang, kelmarin bergambar kenangan.